



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	17/8/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 20
JABATAN	:	PERHILITAN		



Kakitangan Unit Tangkapan Gajah, Kuala Gandah menaikkan dua gajah liar ke atas lori di FELDA Kota Gelanggi Tiga, Jerantut, kelmarin. (Foto Roselan Ab Malek /BH)

Hutan Simpan Tekam Jerantut jadi santuari gajah

Jerantut: Hutan Simpan Tekam, di sini, akan dijadikan santuari gajah bagi menangani masalah pencerobohan dan konflik haiwan dengan penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Pahang, Datuk Nazri Ngah, berkata sejumlah RM38 juta akan diperuntukkan untuk projek terbabit, termasuk pemasangan pagar elektrik di koridor rayau haiwan berkenaan.

Katanya, kerajaan merancang menyekat pencerobohan gajah liar dari sekitar Hutan Simpan Tekam dan Hutan Simpan Tekai ke kawasan ladang FELDA, penempatan FELDA dan perkampungan penduduk berdekatan.

"Satu koridor rayau gajah sudah dikenal pasti untuk dibina pagar elektrik yang berhampiran tiga kampung di Kuala Sat, Ulu Tembeling," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

tika ditemui selepas menyaksikan kerja menangkap dan memindahkan empat gajah liar betina oleh 18 kakitangan Unit Tangkapan Gajah (UTG) dari Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Lanchang, kelmarin.

Nazri yang juga Pengerusi Gajah Liar Pahang berharap, pembinaan pagar elektrik dapat disegerakan demi keselamatan penduduk dan mengelak mereka terus mengalami kerugian akibat pencerobohan gajah.

Katanya, sebelum ini semua gajah di Pahang yang ditangkap akan dihantar ke Taman Pemuliharaan Gajah Tasik Kenyir, Terengganu.

Terdahulu, dalam operasi itu, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) turut berjaya mengawal pergerakan kawanan 12 gajah liar daripada mencebroh kawasan ladang sawit di FELDA Gelanggi Satu dan Tiga.